

Taman Tembok

Kota itu kaku. Puing-puing runtuh berdebu menjadi pemandangan biasa. Dunia kota itu hanya terdiri daripada satu warna. Kelabu. Hingar-bingar letupan dan ledakan adalah melodi hidup. Anak-anak di kota itu tidak lagi punya rasa. Apakah makna kehilangan dan kesedihan jika kematian itu berlaku di hadapan mata setiap hari? Kota riang sudah lama sepi. Jiwa mereka sudah lama mati.

Gadis itu masih khusyuk di situ. Setiap hari. Tangannya lincah mencalit runtuh tembok-tembok kelabu dengan pelbagai warna. Berusnya diperbuat daripada serat kayu yang dijumpainya antara puing-puing runtuh. Tanpa mempedulikan sesiapa, gadis itu terus melukis. Wajahnya tenang dengan senyuman sentiasa terukir di bibir. Baju labuh bertampal-tampal yang dipakainya turut berdebu. Tapak kakinya sudah kematu sebab hanya berkaki ayam setiap hari. Tiada apa pun yang dapat mengganggu perhatiannya. Biarpun rusuhan dan serangan sering berlaku di situ. Biarpun askar-askar sering bertempur di situ. Biarpun raungan kematian di mana-mana. Biarlah!

“Kau harus pergi!” Gertak Wira kepada gadis itu. Gadis itu melirik sekilas. Kemudian tekun semula mencalit tembok.

“Aku harus pergi ke mana?” Si Gadis bertanya kembali tanpa menoleh.

“Pergilah berlindung di mana-mana. Tempat ini tidak aman!” Wira menjawab tidak sabar. Sese kali matanya galak melingkas ke sana ke mari mengawasi keadaan sekeliling. Takut-takut ada musuh menyergap tanpa disangka.

“Aku sedang mencipta keamanan...” Si Gadis menjawab tenang. Wira tidak kuasa mendengar lebih lanjut. Terus dia berlari terbongkok-bongkok sambil

muncung senapang dihalakan ke sana-sini. Tubuhnya yang berpakaian seragam celoreng terus hilang pada balik bangunan runtuh.

Esok kematian berpesta lagi. Raungan dan laungan menerawang. Menyatu dengan ngauman kereta kebal dan letupan senjata canggih. Tiada siapa yang mempedulikan gadis itu. Tiada siapa lagi yang menegurnya pergi. Andai nasib gadis itu tidak baik, peluru sesat bakal merampas nyawanya di situ. Namun gadis itu terus setia melukis. Terus tersenyum. Hari demi hari berlalu, sedikit demi sedikit tembok kelabu sudah mula menampakkan sedikit warna-warna berbeza. Kehadiran gadis itu mula dirasai. Sesiapa yang lalu di situ pasti akan berhenti sejenak dan menikmati calitan warna-warna indah. Sesuatu yang baru bagi mereka. Askar-askar turut berhenti sejenak dalam kekaguman. Rasa kebencian dapat ditunda. Waktu di arloji terhenti sementara.

“Warna-warna ini kuambil daripada pelangi,” jawab Si Gadis apabila Wira bertanya suatu petang. Kebetulan memang ada pelangi berkembar pada petang itu. Tadi, hujan panas menerjah bumi. Hujan adalah nikmat rahmat. Orang ramai menadah tangan melafazkan syukur atas adanya air untuk melangsungkan kehidupan. Kemudian, pelangi berkembar itu muncul. Indah. Sejak petang itu, hampir setiap petang Wira akan berhenti di situ sejenak dan memerhatikan Si Gadis yang terus tekun mencalit warna.

Hari demi hari, tembok-tembok kelabu semakin berwarna-warni. Orang ramai mula bertandang untuk menikmati sedikit ketenangan. Dunia kelabu seolah-olah mempunyai suatu lowongan berwarna yang dapat membawa mereka ke alam lain. Alam yang indah. Warna-warna itu menerbitkan rasa kasih. Kebahagiaan yang telah lama hilang berputik kembali. Lowongan dunia baru berwarna-warni yang dilukis Si

Gadis penuh dengan lukisan bunga-bunga. Antaranya, ada mawar merah, mawar putih, kemboja, seruni, teluki, lili, melati putih dan popi merah. Si Gadis menggelar lowongan dunia baru itu Taman Tembok. Orang ramai kemaruk kagum.

Aneh. Dahulu, orang ramai tergilagilakan kuasa teknologi. Apatah lagi teknologi yang dapat membinasakan. Namun semenjak negara itu dilanda peperangan dan dunia menjadi kelabu, warna-warni bunga pada tembok pula menjadi tumpuan. Bunga menyuntik kebahagiaan dan makna kehidupan. Seolah-olah memberi harapan kepada orang ramai yang kosong jiwanya.

“Kau lukis hidup kami. Kau hias jiwaku dengan kasih warna-warni pelangi,” luah Wira suatu hari. Ada rasa cinta yang terbit dalam jiwanya. Gadis itu harus dimiliki. Ada suatu misteri pada diri si gadis yang menarik hatinya.

“Kau harus tinggalkan kekejaman. Barulah kau dapat rasakan kasih yang sebenar.” Si Gadis belum yakin. Dia masih sibuk memalit tembok.

“Aku seorang pejuang. Aku setia pada arahan pemimpinku. Demi negaraku. Aku harus berperang untuk menang!” Wira tegas membantah. Rasa kasih antara dua insan tidak wajar dikaitkan dengan perjuangan pada nusa dan bangsa. Fikir Wira, Si Gadis tidak mengerti makna perjuangan. Makna peperangan. Makna kemenangan!

“Musuhmu juga seorang pejuang. Musuhmu juga setia pada pemimpinnya. Pada negaranya. Berperang untuk menang! Lalu siapakah pejuang sebenar? Siapakah yang menang?” Si Gadis tersenyum sinis. Wira terasa bagai ditampar bertalu-talu.

“Lihatlah pelangi itu. Jurai warna berbeza. Andai diputar ligat, warnanya hanya satu.”
Kata-kata gadis itu menusuk hati Wira. Wira beredar dengan seribu persoalan di benak fikiran.

Suatu petang gadis itu mengajak orang ramai memetik bunga-bunga berwarna-warni pada taman temboknya. Orang yang sakit dan luka disuruh petik bunga melati. Katanya bunga melati boleh menurunkan suhu badan kanak-kanak yang demam panas. Boleh juga menyembuhkan luka tubuh. Askar-askar yang cedera bertarung boleh turut memetik bunga melati dan senggani. Gadis itu juga menyuruh orang ramai memetik bunga srigading supaya terus kuat membina daya tahan tubuh daripada diserang penyakit. Begitu juga dengan bunga-bunga lain yang mempunyai pelbagai manfaat. Si Gadis mendorong orang ramai memetik bunga supaya tenang dan bahagia.

“Kau gadis gila. Peperangan telah menghilangkan kewarasan fikiranmu. Bunga-bunga sudah tidak wujud. Taman-taman sudah lama musnah. Warna-warna sudah lama kelabu. Mana mungkin kami dapat memetik bunga pada tembok.”
Begitulah jawapan orang ramai. Mereka sangka Si Gadis hanya berlawak. Masing-masing berlalu pergi. Mereka berhenti sebentar hanya untuk menikmati warna-warna kebahagiaan pada tembok. Esok mereka akan datang lagi menikmati. Taman Tembok bagai suatu terapi jiwa...

“Dunia ini dipimpin oleh antagonis.” Begitu luah Si Gadis apabila terdengar ada suatu kekecohan di sempadan. Ah, perang mengganas lagi. Cuping telinganya sudah biasa mendengar melodi itu.

“Kau harus faham. Kami berjuang kerana kekejaman musuh. Kami tertindas dan berhak menegakkan maruah yang diinjak-injak! Musuh tidak boleh sesuka hati merampas hak kami!” Wira cuba memberi penjelasan.

“Segala peristiwa yang berlaku kerana ada penulisnya. Sepertimana aku sebagai pelukis pada Taman Tembok. Aku inginkan keamanan. Justeru bunga-bunga menjadi pilihan.” Si Gadis mencalit lagi tembok-tembok melukis bunga kemboja kuning. Indah.

“Aku benci musuh! Aku akan bunuh musuh semua!” Wira melepaskan geram.

“Kau akan membunuh warna-warna Taman Tembok dengan kebencian dalam jiwamu. Kau punya pilihan untuk hidup dengan dendam atau hidup dengan tenteram.” Gadis merenung mata Wira. Ada sinar keikhlasan terpancar pada mata bundar itu sehingga menyentak ego Wira. Wira terasa dirinya kerdil di hadapan gadis yang dianggapnya lemah selama ini.

Wira hanya membisu. Dia memandang sekelilingnya. Asap-asap kelabu mengepung langit. Tiang-tiang kelabu menindih bumi. Batu-batu kelabu berlonggok bisu. Debu kelabu melayang ditampar angin.

‘Inginkah aku habiskan sisa-sisa hayatku dalam dendam?’

Wira menyalurkan pandangannya kembali pada Si Gadis masai. Wajah Si Gadis tetap tenang. Bahkan, lesung pipit manis masih kekal di pipi Si Gadis tatkala dia terus melakarkan bunga-bunga pelbagai warna pada tembok itu.

‘Apakah kepuasan yang kukari-cari selama ini?’ Getus hati Wira.

Wira tergamam dalam persoalan. Matanya ligat menyaksikan Si Gadis terus melukis penuh gemalai. Orang ramai tetap singgah sebentar di Taman Tembok

untuk menikmati sedikit ketenteraman. Wira melemparkan senjata senapang ke tepi lalu duduk bersila di tepi Si Gadis. Orang ramai berasa hairan. Ada yang berbisik-bisik menuding ke arah Wira. Membuang senjata adalah suatu kesalahan berat. Wira boleh ditangkap kerana tidak setia. Wira boleh dihukum tembak kerana tidak memaparkan ciri keberanian sejati. Wira boleh dianggap pengecut! Wira tidak mpedulikan keriuhan orang ramai.

“Kehidupan menjadi sangat malang bukan kerana penderitaan. Kehidupan menjadi sangat malang apabila kita hidup dalam dendam kebencian.” Si Gadis semakin galak melukis bunga-bunga lili putih dan merah. Taman tembok semakin membesar ceria dengan warna-warni bunga.

“Apa kesudahan lukisan ini?” Tiba-tiba Wira bertanya setelah membungkam sekian lama.

“Pelukis sahaja yang boleh membentuk kesudahannya. Namun pengakhirannya bukan kita yang menentukan. Pilihan di tangan kita.” Si Gadis berpaling memandangi Wira sambil menghulurkan berus baru. Wira teragak-agak mencapai berus. Termenung sebentar.

Tiba-tiba Wira bangkit daripada sila. Wira mara bersebelahan Si Gadis. Tangan Wira mula meniru pergerakan tangan Si Gadis. Baris demi baris, warna demi warna. Tidak lama kemudian, pergerakan tangan mereka mula selari. Masing-masing memetik warna-warna daripada pelangi lalu menyemarakkan kanvas runtuh tembok kelabu.

Mawar merah!

Mawar putih!

Kemboja!

Seruni!

Lili!

Teluki!

Melati putih!

Popi merah!

Warna kelabu di langit bagai digantikan dengan pantulan cahaya Taman Tembok menembusi celahan awan-gemawan. Tanpa perlu menukar kekata, Wira dan Si Gadis terus melukis. Wira berasa bahagia. Tangannya terus ligat memetik warna lalu melukis bunga-bunga popi. Dirinya terasa bagai menari di awangan. Sekelilingnya bunga-bunga yang indah. Tiada lagi ketakutan. Tiada lagi kesakitan. Tiada lagi kebencian. Yang ada hanya pelangi, warna-warna dan Si Gadis pelukis bunga. Wira tahu, itulah kepuasan yang dicari-cari selama ini. Wira ingin menghayati keindahan Taman Tembok dengan Si Gadis selamanya. Tekadnya, tembok-tembok akan diwarnai semua agar tidak lagi kelabu.

“Mari semua, kita warnai tembok kelabu!”

Orang ramai mula bergerak mencapai berus.

(1379 perkataan)